

PRAANDAIAAN DALAM UCAPAN PERBAHASAN PARLIMEN MAHASISWA SESI PERTAMA DI MALAYSIA

NURUL AFIFAH ADILA MOHD SALLEH

Universiti Kebangsaan Malaysia

[*afifahadila1991@gmail.com*](mailto:afifahadila1991@gmail.com)

*MASLIDA YUSOF**

Universiti Kebangsaan Malaysia

[*maslida@ukm.edu.my*](mailto:maslida@ukm.edu.my)

**Corresponding Author*

ABSTRAK

Strategi penggunaan bahasa perlu diambil kira dalam sesuatu perucapan selain memastikan maklumat yang disampaikan jelas dan difahami. Sekiranya seseorang perucap berjaya menggunakan strategi berbahasa dengan baik, maka penyampaiannya akan menarik minat pendengar sekaligus dapat memahaminya. Kajian ini menganalisis praandaian sebagai salah satu daripada strategi penggunaan bahasa dalam komunikasi. Penggunaan praandaian ini akan tertumpu kepada ucapan Perbahasan Parlimen Mahasiswa Sesi Pertama di Malaysia sebagai bahan kajian. Ucapan perbahasan parlimen mahasiswa yang dipilih ini akan diteliti dan diasingkan ujaran-ujaran yang mengandungi praandaian. Perbahasan parlimen mahasiswa merupakan platform mahasiswa untuk mengutarakan pendapat dan berbincang tentang isu-isu terpilih yang telah ditetapkan oleh pengajur program iaitu Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Pendekatan Yule (1996) digunakan sebagai garis panduan dalam menentukan dan mengkategorikan ujaran yang mengandungi praandaian. Hasil kajian mendapati terdapat empat Pencetus Praandaian yang digunakan dalam teks ucapan perbahasan parlimen mahasiswa iaitu praandaian eksistensial, faktif, struktural dan kaunterfaktual. Manakala dua lagi jenis praandaian iaitu non faktif dan leksikal tidak digunakan oleh pembahas dalam perbahasan ini. Praandaian yang digunakan dalam perbahasan parlimen mahasiswa mampu memberikan kefahaman maklumat kepada pembaca atau pendengar sekiranya mereka dapat memahami strategi-strategi yang digariskan. Kajian ini berjaya melihat pencetus praandaian yang digunakan dalam ucapan perbahasan dan bentuk bahasa yang digunakan.

Kata kunci: Praandaiaan; pencetus praandaian; strategi berbahasa; ucapan; Perbahasan Parlimen Mahasiswa

PRESUPPOSITION IN THE SPEECH OF THE FIRST STUDENT PARLIAMENTARY SESSION IN MALAYSIA

ABSTRACT

Language strategies need to be taken into account in addition to ensuring that the information presented is clear and understandable. If a speaker is successful in using a good language strategy, his or her presentation will be of interest to the audience while at the same time understanding it. This study analyzes presupposition as one of the strategies for using language in communication. The use of presupposition will focus on the speech of the First Student Parliamentary Session in Malaysia as a study material. These selected student parliamentary debate speeches will be examined and the speeches containing presupposition will be separated. The student parliamentary debate is a platform for students to express their views and discuss selected issues that have been set by program organizers, the Malaysian Representative Council (MUBARAK) and the Ministry of Higher Education. Yule's (1996) approach is used as a guide in determining and categorizing words that contain presupposition. The results show that there are four Trigger Presuppositions used in the text of the student parliamentary debate speech which is existential, functional, structural and counterfactual. However, the other two types of presupposition namely non factive and lexical are not used by the speakers at this conference. The presupposition used in parliamentary debates can provide information to the reader or listeners if they can understand the strategies outlined. This study has been able to look at the trigger presuppositions applied in speech debate and the form of language used.

Keywords: Presupposition; trigger presuppositions; language strategy; speech; Student Parliamentary Debate

PENGENALAN

Ucapan boleh ditafsirkan sebagai ungkapan atau keupayaan untuk meluahkan pemikiran dan perasaan dengan suara yang jelas dan difahami. Melalui ucapan, bahasa digunakan untuk melahirkan idea, menzahirkan intonasi suara dan menggerakkan fizikal untuk mempengaruhi perasaan dan pemikiran pendengar (Nurul Ain Abdul Razak, 2015). Oleh itu, bahasa merupakan elemen penting dalam komunikasi antara manusia agar maklumat yang disampaikan akan mempengaruhi orang yang mendengar. Selain penekanan terhadap aspek bahasa, pengucap juga harus memiliki pengetahuan yang luas terhadap apa yang diujarkan. Tarigan (2011) menyatakan ucapan akan mencerminkan diri seorang pengucap, menunjukkan keperibadian dan menggambarkan tahap pendidikan dan sosialnya. Oleh itu untuk menjadi seorang pengucap, kesediaan perlu ada dalam diri agar ucapan yang disampaikan dapat difahami dan bermanfaat. Heywood (2004) pula menyatakan bahawa pengucapan berfungsi untuk menyampaikan idea yang disusun dan dikembangkan sesuai dengan keperluan yang ingin disampaikan kepada khalayak pendengar sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Ucapan juga boleh dikelaskan berdasarkan tujuan seperti memberi maklumat, menghibur, membantu dan memujuk (Haslina Halim, 2018). Ucapan perbahasan parlimen mahasiswa ini boleh dikelaskan sebagai ucapan yang

bertujuan untuk memberikan maklumat. Hal ini kerana dalam sesebuah perbahasan, pasti banyak maklumat yang disampaikan sebelum membahaskan sesuatu hal atau isu.

Perbahasan parlimen mahasiswa pastinya menggunakan bahasa sebagai alat utama dalam berkomunikasi. Platform ini memberikan peluang kepada mahasiswa untuk mengutarakan pendapat dan berbincang tentang isu-isu terpilih yang telah ditetapkan oleh pengajur program iaitu Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Oleh itu, penggunaan bahasa harus diberikan perhatian agar perbahasan tersebut dapat difahami dengan baik. Praandaian merupakan salah satu daripada strategi berbahasa yang banyak digunakan dalam ucapan-ucapan. Hal ini kerana praandaian mampu membantu dalam memberikan kefahaman maklumat kepada pembaca atau pendengar sekiranya mereka dapat memahami strategi-strategi praandaian. Perbahasan adalah medan perbincangan dan pertukaran pendapat mengenai perkara dengan memberi alasan lain untuk mempertahankan pendapat mereka. Perkataan bahas menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah pertukaran fikiran mengenai sesuatu perkara antara beberapa pihak yang terlibat. Hendri Guntur Tarigan (1984) pula menyatakan bahawa berbahas ialah berhujah antara individu atau antara kelompok orang dengan tujuan mencapai kemenangan satu pihak. Kamdhi (1995) menegaskan bahawa bahas ialah perbincangan atau pertukaran pendapat mengenai perkara di mana setiap peserta memberi alasan untuk mempertahankan pendapatnya. Perbahasan formal tentunya mempunyai struktur dan ketetapan sendiri. Fungsi perbahasan antara lain untuk melatih mentaliti dan keberanian, meningkatkan kemahiran penyelesaian, memperkuat pemahaman konsep dan melatih sikap kritis. Secara umumnya struktur perdebatan bermula dari peringkat pengenalan, penghujahan dan kesimpulan.

Platform perbahasan antara mahasiswa ini disediakan kerana untuk melatih mahasiswa berucap dan berfikiran kritis. Perbahasan merupakan satu aktiviti berkomunikasi yang sememangnya memberikan impak yang sangat baik kepada pembinaan diri seorang mahasiswa agar menjadi mahasiswa yang berani berucap dan melontarkan idea. Pendidikan akademik dan kokurikulum mahasiswa perlu difokuskan bagi memastikan Malaysia mampu melahirkan mahasiswa minda kelas pertama (Khaled Nordin, 2010). Justeru, usaha untuk membangunkan jati diri dan modal insan mahasiswa di Malaysia giat dilaksanakan oleh kerajaan bagi memastikan golongan ini menjadi aset bernilai kepada negara dan mampu menjadi pemimpin masa hadapan. Golongan muda-mudi di Malaysia ini sedang menghadapi fenomena “darah muda” yang mana gemar berhujah dan menyampaikan idea secara terbuka di media sama ada media sosial, media cetak atau media elektronik (Mustaffa Kamil Ayub, 1991). Justeru, pelbagai platform yang sesuai telah diberikan kepada mereka untuk melontarkan buah fikiran dan idea seperti pertandingan debat, bahas, pidato, forum, perbincangan meja bulat dan lain-lain.

Perbahasan parlimen mahasiswa yang dipilih ini disertai oleh 183 orang mahasiswa dari semua IPTA di seluruh Malaysia. Daripada jumlah ini, hanya 23 orang mahasiswa sahaja yang dipilih sebagai pembahas isu, manakala yang lain berpeluang untuk mendengar dan bertanyakan soalan semasa perbahasan berlangsung. Perbahasan ini berlangsung selama sehari di Dewan negara, Parlimen Malaysia bermula pada jam 10 pagi dan tamat pada jam 6.00 petang. Objektif utama penganjuran program ini ialah untuk melahirkan mahasiswa yang berdisiplin dan menghormati perlembagaan negara sebagai bakal pemimpin akan datang. Program ini juga dijadikan sebagai medium pengucapan awam kepada mahasiswa untuk membicarakan tentang apa sahaja isu dalam negara. Antara isu yang dibincangkan ialah diskriminasi OKU, pengangguran mahasiswa, Akta Hasutan 1948, pengantarabangsaan universiti, pengamalan gaya hidup sihat, kebolehpasaran mahasiswa, kos sara hidup dan pelbagai lagi isu lain yang menarik. Pemilihan perbahasan mahasiswa ini sebagai bahan kajian adalah kerana untuk melihat golongan muda ini berinteraksi

dengan kepelbagaian strategi berbahasa terutamanya praandaian.

KONSEP PRAANDAIAAN

Praandaian ialah inferen atau proposisi yang kebenaran ujarannya dalam satu-satu ayat itu tidak dipersoalkan. Item leksikal dan pembinaan linguistik yang menimbulkan praandaian dinamakan sebagai Pencetus Praandaian. Praandaian dikelaskan sebagai hubungan semantik yang mampu menghuraikan hubungan ayat dan kebenaran yang melibatkan pengetahuan yang tersimpan dalam pemikiran manusia. Praandaian merujuk kepada maklumat tersirat yang boleh didapati dalam sesuatu tulisan atau ujaran. Perkataan 'praandaian' berasal dari kata *to presuppose* yang membawa maksud *to suppose beforehand*. Oleh itu, dapat difahami bahawa sebelum penutur atau penulis menyatakan sesuatu, ianya sudah memiliki andaian sebelumnya tentang sesuatu perkara yang ingin diperkatakan. Levinson (1983) menyatakan bahawa "*the ordinary language notion of presupposition to describe any kind of background assumption against which an action, theory, expression or utterance makes sense or is rational*". Pernyataan ini menerangkan bahawa praandaian ialah sebuah idea yang mampu menggambarkan setiap tanggapan dari sebuah tindakan, teori, ekspresi atau ujaran yang memiliki makna dan boleh diterima akal. Praandaian ialah apa yang dijangkakan penutur sudah diketahui oleh pendengar, iaitu sesuatu hal atau keadaan yang telah diketahui pendengar tanpa perlu diucapkan oleh penutur. Huang (2007) menyatakan bahawa praandaian merupakan sebuah kesimpulan atau gagasan iaitu kebenaran yang diperolehi serta merta di dalam sebuah ayat ujaran yang berfungsi sebagai kelayakan penggunaan perkataan tersebut.

Menurut Yule (1996) menyatakan pragmatik berkait rapat dengan praandaian yang didefinisikan sebagai sesuatu yang diandaikan oleh penutur sebagai peristiwa sebelum dalam menghasilkan suatu ujaran. Yule (1996) menyatakan bahawa "*a presupposition is something the speaker assumes to be the case prior to making utterance. Speakers, not sentences, have presupposition*". Berdasarkan definisi tersebut, Yule menyatakan bahawa praandaian ialah sesuatu yang dianggap oleh penutur sebagai kejadian sebelum menghasilkan sesuatu ujaran. Elemen yang memiliki praandaian adalah penutur bukannya ayat. Levinson (1983) menegaskan bahawa praandaian ialah tentang pengetahuan latar belakang dan mempunyai perkaitan dengan ujaran, perucap dan pendengar mesti mempunyai pengetahuan atau andaian yang sama berdasarkan konteks ujaran tersebut. Seterusnya, praandaian akan dikaitkan dengan leksikal tertentu atau ciri-ciri tatabahasa yang menjadi pencetus kepada praandaian dalam ucapan. Di bawah ialah contoh praandaian:

- A. *Alia's dress is beautiful* (= p)
- B. *Alia has a dress* (= q)
- C. p >> q

Berdasarkan contoh di atas, dapat difahami bahawa terdapat sebuah rumusan yang jelas iaitu ayat *Alia's dress is beautiful* sebagai gagasan yang ditranskripsikan dengan lambang (= p) dan kemudian melahirkan sebuah praandaian yang sederhana terhadap ayat *Alia has a dress* yang dilambangkan dengan (= q). Sementara itu, simbol (>>) ini melambangkan maksud dari sebuah hasil praandaian. Praandaian merupakan penyelesaian dalam mencari keselarasan antara pengetahuan bersama yang dimiliki oleh penutur dan pendengar semasa berkomunikasi. Dapat disimpulkan bahawa praandaian adalah kesimpulan awal oleh penutur sebelum melakukan ujaran

agar sesuatu yang akan diujarkan akan difahami oleh pendengar. Justeru, peranan praandaian dalam sesuatu komunikasi sangat penting dalam membantu penutur berkomunikasi dengan lancar.

Praandaian menurut Yule (1996) dibahagikan kepada 6 iaitu eksistensial, faktif, non-faktif, leksikal, struktural dan kaunterfaktual. Praandaian pertama iaitu eksistensial membawa maksud kewujudan dan keberadaan sesuatu jati diri objek atau keadaan yang diungkapkan dengan kata yang mutlak. Dalam bahasa Melayu, perkataan 'wujud' dan 'ada' mempraandaikan keberadaan sesuatu objek atau perkara. Manakala praandaian faktif pula ialah perkara yang dapat dicetuskan melalui kenyataan yang disampaikan iaitu kata-kata yang menunjukkan sesuatu fakta atau berita yang diyakini keberadaannya. Seterusnya ialah praandaian non-faktif, iaitu melibatkan sesuatu kata-kata yang tidak bersifat benar secara hakikinya. Praandaian ini memungkinkan adanya pemahaman yang salah kerana penggunaan kata-kata yang taksa atau tidak pasti. Praandaian leksikal pula dapat ditafsirkan sebagai makna yang dinyatakan secara konvensional dan diandaikan dengan andaian bahawa suatu makna lain yang tidak dinyatakan dapat difahami oleh pendengar. Praandaian jenis ini merupakan praandaian yang didapati melalui ujaran yang diinterpretasikan melalui penegasan dalam pertuturan. Kemudian ialah praandaian struktural yang mana dapat dilihat dalam ayat tanya yang menggunakan kata tanya seperti 'bagaimana', 'apakah', 'adakah' dan lain-lain. Selain itu, *alternative question* dan *yes or no question* turut diambil kira sebagai penanda praandaian ini. Praandaian terakhir sekali ialah praandaian jenis kaunterfaktual. Praandaian jenis ini membawa maksud sesuatu yang diandaikan tidak hanya salah, tetapi berlawanan dari kebenaran dengan kenyataan yang diberikan. Praandaian ini menghasilkan pemahaman yang bersifat kontradiktif. Justeru kata seperti 'kalau', 'jika', 'sekiranya', 'seandainya' dilihat mampu mencetuskan praandaian kaunterfaktual. Kesemua jenis praandaian ini akan dipilih dan digunakan bagi menganalisis bahan kajian.

SOROTAN KAJIAN

Kajian Mohamad Suhaizi Suhaimi & Maslida Yusof (2018) berkenaan strategi praandaian terhadap data korpus DBP menekankan aspek pemahaman makna terhadap sesuatu ujaran. Kajian ini mendapati bahawa proses pemahaman maklumat dapat difahami dengan lebih jelas melalui strategi praandaian. Oleh itu, penggunaan praandaian dilihat berguna dalam sesuatu ujaran atau penulisan. Jenis-jenis praandaian yang dicadangkan oleh Levinson (1983) dijadikan sebagai teori kajian untuk diaplikasi pada bahagian analisis perbincangan. Data korpus yang dibangunkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pula dijadikan bahan kajian untuk menganalisis pengkategorian praandaian tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa sembilan jenis praandaian yang digariskan oleh Levinson (1983) telah didapati dalam data korpus ini iaitu eksistensial, faktif, leksikal, non-faktif, struktural, kaunterfaktual, iteratif dan implikatif. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa praandaian yang digunakan dalam komunikasi mampu memberi unsur kefahaman kepada pembaca atau pendengar khususnya apabila mereka dapat memahami strategi-strategi yang telah digariskan.

Layth M. K. (2010) telah mengkaji praandaian yang digunakan dalam teks-teks penulisan wartawan dalam bahasa Inggeris. Kajian ini dilakukan kerana bahan teks penulisan wartawan masih belum diterokai oleh sarjana atau ahli falsafah linguistik. Justeru, enam teks penulisan wartawan dipilih secara rawak meliputi pelbagai isu yang telah diterbitkan pada tahun 2009. Teks-teks ini telah dipilih dari enam naskah surat khabar berbahasa Inggeris nasional dan serantau antaranya ialah akhbar nasional termasuk *The Independent*, *The Guardian*, dan *The Daily Mirror*.

Surat khabar serantau pula termasuk *Liverpool Echo*, *The Belfast Telegraph* dan *The Northern Echo*. Kajian ini penting kepada ahli bahasa, wartawan, penterjemah, guru, pelajar linguistik dan bidang pendidikan. Model praandaian yang digunakan ialah berdasarkan Karttunen (nd) yang terkandung dalam Levinson (1983: 181-184) dan Yule (1996). Analisis data menunjukkan bahawa teks penulisan wartawan paling banyak menggunakan praandaian *eksistensial* iaitu sebanyak 57.7%. Manakala praandaian *Lexical* digunakan sebanyak 19.7%, praandaian *conventional items*, *iteratives*, *change of state verbs* dan *factive* mencatat kekerapan 8, 7, 7 dan 4% masing-masing. Bagi praandaian selebihnya iaitu *implicative verbs*, *verbs of judging* dan *counter factual verbs* tidak digunakan dalam keenam-enam teks penulisan wartawan ini. Kesimpulannya, berdasarkan keenam-enam teks terpilih ini, didapati bahawa penulis iaitu wartawan lebih bergantung kepada penggunaan praandaian *existential* untuk menghasilkan penulisan sesuatu berita atau rencana.

Rina O. S., Rotua E. P & Febrika T. (2000) mengkaji penggunaan jenis-jenis praandaian dalam iklan majalah TIME dan mengenal pasti penggunaan praandaian yang paling dominan. Data yang dipilih dari majalah TIME ialah yang diterbitkan dari tarikh 6, 13, 20 April dan 4 Mei 2009. Kaedah kuantitatif deskriptif digunakan dalam melakukan kajian ini. Analisis kuantitatif deskriptif bertujuan untuk menemui jenis praandaian dominan yang digunakan pada teks iklan tersebut. Terdapat sebanyak 143 praandaian yang telah ditemui dan semuanya mewakili empat jenis praandaian iaitu praandaian eksistensial, leksikal, faktif dan struktural. Jenis praandaian yang paling dominan digunakan ialah eksistensial sebanyak 62.93%, diikuti leksikal 30.06%, faktif 5.59% dan struktural 1.39%. Kesimpulannya, praandaian adalah penting dalam pengiklanan, banyak iklan dibuat dengan menggunakan strategi praandaian sehingga pembaca lebih tertarik untuk membaca dan bersemangat untuk membeli produk tersebut. Pengiklanan banyak menggunakan praandaian *existential* kerana pembeli boleh mengandaikan bahawa produk itu memang benar wujud. Justeru, pembeli akan terpengaruh untuk mencuba dan membeli produk tersebut.

Emad khalilia (2017) telah mengkaji praandaian yang ada pada watak dalam novel Oedipus Rex. Praandaian adalah sebahagian daripada kajian dalam bidang pragmatik yang membincangkan tentang makna berdasarkan konteks ayat. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis-jenis praandaian yang digunakan dalam Oedipus Rex iaitu sebuah drama yang diadaptasi dari novel paling hebat dan kompleks yang pernah ditulis oleh Whitman (1951). Analisis kajian ini menggunakan pengkategorian praandaian oleh Yule (1996). Yule (1996) menggariskan praandaian kepada enam jenis iaitu eksistensial, faktif, non-faktif, leksikal, struktural dan kaunterfaktual. Berdasarkan hasil kajian, terdapat 5 jenis praandaian yang telah digunakan iaitu sebanyak 14 praandaian eksistensial, 5 praandaian leksikal, 16 praandaian struktural, 8 praandaian faktif dan 10 praandaian non-faktif. Kajian ini dapat memberikan pengetahuan kepada para pembaca mengenai praandaian sebagai sebahagian daripada kajian pragmatik di Malaysia serta dapat meningkatkan pengetahuan mereka tentang konsep bahasa, makna konteks, pragmatik dan praandaian.

Normaliza Abd Rahim, Arba'ie Sujud, Hazlina Abdul Halim & Roslina Mamat (2014) telah menjalankan kajian di Hankuk University of Foreign Studies, Korea yang memfokuskan kepada beberapa perkara berdasarkan teori analisis wacana termasuklah elemen praandaian. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis perbualan para pelajar serta memahami bahasa yang digunakan. Didapati strategi praandaian digunakan oleh pelajar semasa sesi perbincangan ini untuk memahami pembelajaran dalam kumpulan tersebut. Para pelajar telah diberikan sebanyak dua buah sajak dan kajian ini telah mengambil masa selama tiga minggu untuk diselesaikan. Analisis interaksi pelajar dilakukan menerusi rundingan, persoalan dan jawapan

ringkas dalam interaksi kumpulan kecil tersebut. Analisis wacana oleh Brown & Yule (1983) digunakan untuk mendapatkan hasil kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa para pelajar telah mengemukakan persoalan, membuat rundingan serta memberi jawapan ringkas bersama rakan sekumpulannya. Pelajar kelihatan mempunyai semangat dan keyakinan yang tinggi semasa berlangsungnya perbincangan tersebut. Pelajar juga diberi peluang untuk berkomunikasi dengan cara yang baik dalam kalangan ahli kumpulan mereka dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai wahana komunikasi.

Meskipun kelima-lima kajian lepas ini menggunakan bahan kajian yang berbeza, namun objektif pelaksanaan kajian tetap sama iaitu untuk mengkaji *Pencetus Praandaian* yang digunakan dalam bahan yang telah dipilih. Aspek pemahaman makna yang terhasil daripada *Pencetus Praandaian* yang ditemui amat dititikberatkan melalui kesemua dapatan kajian lepas ini. Penggunaan praandaian dilihat mampu membantu pendengar atau pembaca untuk lebih memahami apa yang disampaikan oleh penutur atau penulis. Jenis-jenis praandaian yang digunakan dalam kesemua kajian lepas didapati berbeza berdasarkan bahan kajian yang dipilih. Melalui kajian Rina O. S., Rotua E. P & Febrika T. (2000) yang mengkaji penggunaan praandaian dalam iklan majalah TIME dan kajian oleh Layth M. K. (2010) yang mengkaji praandaian dalam teks-teks penulisan wartawan dalam bahasa Inggeris menunjukkan bahawa praandaian eksistensial atau kewujudan yang paling dominan digunakan. Hal ini kerana, jenis praandaian ini menggambarkan tentang kewujudan atau keberadaan sesuatu yang dikatakan. Oleh itu, strategi ini dapat meyakinkan pembaca atau pendengar majalah tentang sesuatu yang dimaklumkan.

Selain itu, kajian Mohamad Suhaizi Suhaimi & Maslida Yusof (2018) berkenaan strategi praandaian dalam data korpus DBP menegaskan bahawa *Pencetus Praandaian* mampu memberikan unsur kefahaman terhadap sesuatu teks atau ucapan terutamanya apabila pembaca atau pendengar dapat memahami strategi-strategi praandaian yang telah digariskan. Manakala kajian oleh Normaliza Abd Rahim, Arba'ie Sujud, Hazlina Abdul Halim & Roslina Mamat (2014) yang mana turut memfokuskan kepada aspek praandaian mengakui bahawa pemahaman makna dalam sesi pembelajaran amat penting agar para pelajar tidak bosan serta dapat memahami dengan baik tentang apa yang dipelajari di dalam kelas. Hal ini jelas menunjuk kepentingan kajian terhadap praandaian agar dapat dilihat dengan jelas penggunaannya dan aspek pemahaman makna. Oleh itu, kajian praandaian dalam ucapan perbahasan parlimen mahasiswa ini juga akan membincangkan *Pencetus Praandaian* yang digunakan bagi mengetahui sejauh mana penggunaan praandaian dan kesannya. Hal ini dapat membuktikan bahawa betapa pentingnya penggunaan praandaian dalam menyampaikan sesuatu maklumat sama ada dalam bentuk lisan atau penulisan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif (Qualitative Content Analysis) dengan menggunakan kandungan teks ucapan perbahasan parlimen mahasiswa sesi pertama di Malaysia sebagai data korpus. Analisis kandungan kualitatif lebih melihat teks sebagai interpretasi makna secara dalaman dan subjektif. Pendekatan ini amat relevan untuk mengenal pasti jenis praandaian dan menganalisis praandaian yang tercetus. Ucapan perbahasan ini telah direkodkan dan ditulis semula oleh pegawai yang bertugas di Parlimen Malaysia. Kemudian, teks ucapan tersebut dicetak dalam buku bertajuk "Laporan Persidangan Parlimen Mahasiswa 2015". Buku ini telah diterbitkan oleh bahagian penerbitan Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK). Kajian ini menggunakan pengkategorian praandaian oleh Yule (1996) bagi menganalisis data. Enam jenis praandaian tersebut ialah eksistensial, faktif, non-faktif, leksikal, struktural dan

kaunterfaktual. Setiap jenis praandaian mempunyai ciri-ciri atau penanda tertentu yang boleh dikenal pasti. Pendekatan (Yule) 1996 dipilih kerana pengkategorianya sesuai dengan bahan kajian yang dipilih dan teori ini juga sudah mendapat tempat dalam kalangan pengkaji dalam mahupun luar negara meskipun teori ini masih baru. Di bawah ialah contoh-contoh leksikal bagi setiap jenis praandaian:

JADUAL 1. Jenis dan Contoh Leksikal Praandaian

Jenis praandaian	Contoh leksikal
Eksistensial	Wujud, ada
Faktif	Mengetahui, menyedari, menyesal
Struktural	Apakah, adakah, mengapa, setuju atau tidak
Kaunterfaktual	Sekiranya, jika, kalau
Non faktif	Andaikan, hampir, bayangkan, impikan
Leksikal	Masuk, tinggal, tamat, mula, pergi

Oleh itu, pada bahagian analisis dan perbincangan kajian, leksikal-leksikal ini akan dijadikan panduan bagi mengenal pasti *Pencetus Praandaian* dan menganalisis jenis-jenis praandaian yang digunakan dalam teks perbahasan parlimen mahasiswa tersebut. Contoh leksikal ini amat berguna kerana dapat membantu dalam melancarkan proses mengenal pasti praandaian kemudian menganalisisnya.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Praandaian merujuk kepada proposisi atau inferen yang kebenaran pada ujarannya dalam sebuah ayat tidak boleh dipersoalkan. Leksikal yang terdapat dalam sesuatu ayat akan dipanggil sebagai *Pencetus Praandaian* jika benar itu adalah strategi praandaiannya. Menurut Yule (1996), praandaian dikelaskan sebagai hubungan semantik yang mampu menghuraikan hubungan ayat dan kebenaran yang melibatkan pengetahuan yang tersimpan dalam pemikiran manusia. Levinson (1983) pula menegaskan bahawa praandaian ialah tentang pengetahuan latar belakang dan mempunyai perkaitan dengan ujaran yang mana perucap dan pendengar mesti mempunyai pengetahuan atau andaian yang sama berdasarkan konteks ujaran tersebut.

Pada bahagian ini, enam jenis praandaian yang digariskan oleh Yule (1996) akan diaplikasi untuk mengenal pasti praandaian yang diujarkan oleh pembahas. Selain itu, data yang diperoleh akan dianalisis bagi membantu pendengar dan pembaca memahami ayat yang mengandungi pencetus praandaian tersebut. Leksikal-leksikal yang mewakili jenis-jenis praandaian akan diberikan perhatian dan dibahaskan agar pengkategorian dan pemahaman praandaian tersebut tepat dan jelas. Leksikal-leksikal yang dikenal pasti ini dipanggil sebagai *Pencetus Praandaian* dalam sesebuah ujaran atau tulisan. Jadual 2 ialah jadual ringkas untuk kefahaman awal tentang jenis-jenis praandaian, contoh ayat dan potensi praandaian yang diterbitkan.

JADUAL 2. Potensi Praandaian (Yule, 1996: 30)

Jenis	Contoh ayat	Praandaian
Eksistensial	X	>> X wujud
Faktif	Saya menyesal meninggalkannya	>> Saya telah pergi
Non-faktif	Dia berpura-pura menjadi gembira	>> Dia tidak gembira

Leksikal	Dia Berjaya melarikan diri	>> Dia cuba melarikan diri
Struktural	Bilakah dia meninggal?	>> Dia telah meninggal
Kaunterfaktual	Sekiranya saya tidak sakit	>> Saya sakit

Praandaian Eksistensial

Praandaian Eksistensial adalah praandaian yang menunjukkan keberadaan atau jati diri objek yang dirujuk serta diungkapkan dengan kata yang mutlak (Levinson, 1983). Praandaian eksistensial bukan sahaja dianggap boleh wujud dalam ayat pemilikan, contohnya ‘your car’ >> ‘you have a car’. Tetapi secara amnya boleh dikenal pasti dalam sebarang frasa nama tertentu (Yule, 1996). Oleh itu, praandaian ini tidak hanya diandaikan keberadaannya dalam ayat-ayat yang menunjukkan pemilikan namun lebih luas lagi keberadaan dari pernyataan dalam sesuatu ujaran. Praandaian Eksistensial juga menunjukkan keberadaan atas suatu hal dapat disampaikan melalui praandaian. Dalam bahasa Melayu, penggunaan kata ‘ada’ dan ‘wujud’ mampu mempraandaikan keberadaan sesuatu perkara atau objek. Di bawah merupakan jadual yang mengandungi data praandaian eksistensial.

JADUAL 3. Data Praandaian Eksistensial

Ayat	Sumber
Pembangunan lestari yang mana telah menetapkan konsep teknologi hijau kepada semua badan-badan kerajaan yang ada di dalam pentadbiran kerajaan persekutuan.	Pembahas kesembilan (UMT 4)
Saya kira ada banyak program di bawah program pembangunan insan yang menjurus terus kepada belia.	Pembahas kedua (UIAM 3)
Tuan yang di-Pertua, sehubungan dengan hal ini biasiswa adalah satu-satunya cara yang ada kepada anak-anak mereka mendapat pendidikan yang sempurna.	Pembahas keempat (UM 7)
Ini kerana wujudnya rasa tanggungjawab untuk bantu negara menyelesaikan masalah isu kesihatan yang membelenggu negara kita ini.	Pembahas ke-11 (UNIMAS 1)

Kewujudan ‘ada’

Maslida Yusof (2018) menerangkan bahawa kata ‘ada’ boleh dibahagikan kepada tiga sub kelas keadaan iaitu keadaan ‘ada’ kehadiran, kepunyaan dan identifikasi. Kata kehadiran ada boleh pula dibahagikan kepada kehadiran sesuatu (entiti) dan kehadiran sesuatu entiti pada suatu lokasi (lokasi). Selain itu, Mashudi Kader (1981) pula menegaskan bahawa perkataan ‘ada’ secara semantiknyanya merujuk kepada pernyataan milik seperti *has* atau *have*, pernyataan kopula (pemer) dan pernyataan kewujudan. Oleh itu, dalam bahasa Melayu penggunaan kata ‘ada’ mampu mempraandaikan keberadaan sesuatu objek atau perkara.

- a. Pembangunan lestari telah menetapkan konsep teknologi hijau kepada semua badan-badan kerajaan yang **ada** di dalam pentadbiran kerajaan persekutuan.
>> terdapat badan-badan kerajaan di dalam pentadbiran kerajaan persekutuan

Berdasarkan contoh (a) di atas, jelas perkataan ‘ada’ memberitahu atau mempraandaikan bahawa terdapat badan-badan kerajaan di bawah pentadbiran kerajaan persekutuan. Semua badan kerajaan ini telah ditetapkan oleh kerajaan Malaysia untuk melaksanakan pembangunan lestari dengan mengamalkan konsep teknologi hijau. Justeru, perkataan ‘ada’ memperlihatkan praandaian eksistensial iaitu keberadaan badan-badan kerajaan dalam pentadbiran kerajaan persekutuan.

- b. Saya kira **ada** banyak program di bawah program pembangunan insan yang menjurus terus kepada belia.
>> terdapat pelbagai program yang telah dijalankan untuk belia

Perkataan ‘ada’ pada contoh (b) di atas menggambarkan bahawa sudah banyak program yang dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan kepada belia di Malaysia. Program tersebut ialah program pembangunan insan. Perkataan ‘ada’ telah mempraandaikan bahawa selama ini KBS telah melaksanakan pelbagai program khas kepada belia untuk pembangunan insan.

- c. Tuan yang di-Pertua, sehubungan dengan hal ini biasiswa adalah satu-satunya cara yang **ada** kepada anak-anak mereka mendapat pendidikan yang sempurna.
>> anak-anak mereka telah menerima biasiswa selama ini dan mendapat pendidikan sempurna

Seterusnya, perkataan ‘ada’ bagi contoh (c) pula dapat difahami bahawa anak-anak masyarakat B40 ada yang menerima biasiswa dan hal ini telah membantu mereka untuk mendapat pendidikan yang sempurna. Tanpa bantuan biasiswa JPA, mungkin anak-anak ini tidak mendapat pendidikan yang sewajarnya akibat kekangan kewangan keluarga. Justeru, perkataan ‘ada’ dalam ayat di atas telah mempraandaikan bahawa selama ini ada daripada golongan B40 telah menerima biasiswa JPA untuk membantu pendidikan mereka.

Kewujudan ‘wujud’

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) kata ‘wujud’ merujuk kepada tiga keadaan iaitu adanya (sesuatu), sesuatu yang berupa dan dapat dilihat dan benda yang nyata. Lihat contoh pencetus praandaian wujud di bawah:

- d. Ini kerana **wujudnya** rasa tanggungjawab untuk bantu negara menyelesaikan masalah isu kesihatan yang membelenggu negara kita ini.
>> Dia bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah kesihatan di negara ini

Berdasarkan contoh (d), penggunaan perkataan ‘wujud’ telah memperandaikan keberadaan sesuatu perkara atau objek. Hal ini dapat dilihat pada ayat di atas. Perkataan ‘wujud’ menunjukkan bahawa perucap mempunyai rasa tanggungjawab untuk membantu negara menyelesaikan masalah kesihatan. Perkataan ‘wujud’ menggambarkan perucap memang benar mempunyai rasa tanggungjawab tersebut. Oleh itu, rasa tanggungjawab tersebut akan diterjemahkan melalui

tindakannya akan datang untuk membantu negara menyelesaikan masalah kesihatan.

Praandaian Faktif

Praandaian Faktif dapat dicetuskan melalui informasi yang ingin disampaikan dengan kata-kata yang menunjukkan suatu fakta atau berita yang diyakini keberadaannya (Levinson, 1983). Makna kata, praandaian faktif merujuk kepada sesuatu perkara itu dipraandaikan sebagai fakta. Berikut merupakan contoh praandaian faktif menurut Yule (1996):

- a. *Everybody knows that John is gay.* (=P)
- b. *Everybody doesn't know that John is gay.* (=NOT p)
- c. John is gay. (=q)
- d. $p \gg q \ \& \ \text{NOT } p \gg q$

Berdasarkan contoh di atas, kata kerja 'know' berlaku dalam ayat 'everybody knows that q' dengan q ialah sebagai praandaiannya. Maklumat yang dikemukakan seperti kata kerja 'know' boleh dianggap sebagai fakta dan digambarkan sebagai praandaian faktif. Dalam bahasa Melayu, prandaian faktif boleh ditunjukkan melalui perkataan mengetahui, menyedari, menyesal atau mengatakan.

JADUAL 4. Data Praandaian Faktif

Ayat	Sumber
Saya kira amat penting untuk sidang perwakilan pada hari ini mengetahui apa sebenarnya yang dimaksudkan dengan pembangunan modal insan	Pembahas kedua (UAIM 3)
Ini kerana pada hari ini umum mengetahui di dalam negara kita ada sebuah regional centre for educational science and mathematics (RECSAM), telah ditubuhkan untuk mengkaji pendidikan berkaitan matematik dan sains di peringkat menengah dan rendah.	Pembahas kedua (UIAM 3)

- a. Saya kira amat penting untuk sidang perwakilan pada hari ini **mengetahui** apa sebenarnya yang dimaksudkan dengan pembangunan modal insan.
>> sidang perwakilan belum mengetahui tentang maksud pembangunan modal insan

Dalam bahasa Melayu, perkataan 'mengetahui' bermaksud tahu akan sesuatu atau tahu dan faham setelah melihat dan mengetahuinya. Berdasarkan contoh (a) di atas, perkataan 'mengetahui' telah mempraandaikan bahawa sidang perwakilan telah pun mengetahui maksud sebenar pembangunan modal insan. Hal ini kerana, dari awal persidangan iaitu bermula dengan pembahas pertama, penerangan tentang modal insan telah disampaikan. Oleh itu, sebagai perucap yang ketiga, beliau telah mengingatkan tentang modal insan yang dikira amat penting untuk diketahui oleh ahli persidangan.

- b. Ini kerana pada hari ini umum **mengetahui** di dalam negara kita ada sebuah regional centre

for educational science and mathematics (RECSAM), telah ditubuhkan untuk mengkaji pendidikan berkaitan matematik dan sains di peringkat menengah dan rendah.
>> kewujudan RESCAM telah diketahui oleh umum

Berdasarkan contoh (b) tersebut, pembaca atau pendengar dapat memahami bahawa semua perwakilan telah mengetahui tentang kewujudan sebuah pusat iaitu Regional Centre for Educational Science and Mathematics (RECSAM), yang telah ditubuhkan untuk mengkaji pendidikan berkaitan matematik dan sains di peringkat menengah dan rendah. Secara faktanya, perucap menganggap semua perwakilan sudah mengetahui kewujudan RESCAM tersebut.

Praandaian Struktural

Menurut Levinson (1983) praandaian struktural dapat dilihat dalam ayat tanya atau dapat dikenal pasti melalui kata tanya seperti bila, di mana, apa, bagaimana dan sebagainya. Yule (1996) pula menegaskan bahawa struktur ayat tertentu telah dianalisis secara sengaja dan kebiasaannya andaian sebahagian daripada struktur tersebut sudah dianggap betul. Perucap boleh menggunakan struktur sedemikian untuk menjadikan maklumat seperti yang dijangkakan (sebagai contoh dianggap benar). Oleh itu, diterima sebagai benar oleh pendengar. Berikut ialah contoh ayat praandaian struktural:

- a. *When did he leave?* (*>> he left*)
b. *Where did you buy the bike?* (*>> you bought the bike*)
(Yule, 1996)

Jenis praandaian ini boleh menyebabkan pendengar percaya bahawa maklumat yang dikemukakan semestinya benar dan bukan hanya andaian orang yang mengajukan soalan tersebut (Yule, 1996). Levinson (1983) telah mengkategorikan ayat tanya kepada tiga iaitu *the Wh-question*, *alternative question* dan *yes or no question*. Dalam bahasa Melayu, jenis-jenis soalan terbahagi kepada dua iaitu soalan terbuka dan soalan tertutup. Secara ringkasnya, soalan terbuka bermaksud soalan yang memerlukan jawapan yang panjang dan beberapa pandangan terhadap perkara yang timbul manakala soalan tertutup pula dijawab dengan satu atau dua perkataan sahaja. Oleh itu, *The Wh-question* diklasifikasikan sebagai soalan terbuka manakala *alternative question* dan *yes or no question* pula dalam kategori soalan tertutup.

JADUAL 5. Data Praandaian Struktural

Ayat	Sumber
Apakah kes ancaman yang terbaru terhadap keselamatan dan keharmonian negara yang disebabkan oleh salah guna siber?	Ahli persidangan (UIAM 5)
Setuju atau tidak , ajaran sesat ini disebabkan oleh faktor-faktor persekitaran luar IPTA?	Ahli persidangan (UPSI 2)

Adakah hari wanita kebangsaan ini dapat memperkasakan wanita-wanita di negara malaysia yang tercinta ini? Ahli persidangan (UMT 2)

Mengapa RM51 juta diberikan kepada Melaka Tengah? Ahli persidangan (UiTM 5)

- a. **Apakah** kes ancaman yang terbaru terhadap keselamatan dan keharmonian negara yang disebabkan oleh salah guna siber?
>> sudah berlaku kes ancaman sebelum ini terhadap keselamatan dan keharmonian negara yang disebabkan oleh salah guna siber

Perkataan ‘apakah’ pada contoh (a) di atas menunjukkan indikator praandaian struktural yang menunjukkan sebuah pertanyaan. Maka pendengar atau pembaca akan mempraandaikan bahawa sebelum ini sudah berlaku kes ancaman terhadap keselamatan dan keharmonian negara yang disebabkan oleh salah guna siber. perkataan apakah merupakan soalan terbuka yang memerlukan jawapan penuh dan panjang.

- b. **Setuju atau tidak**, ajaran sesat ini disebabkan oleh faktor-faktor persekitaran luar IPTA?
>> pilihan jawapannya ialah setuju atau tidak ajaran sesat disebabkan oleh faktor-faktor luar IPT

Ungkapan setuju atau tidak juga merupakan salah satu bentuk pertanyaan yang memerlukan jawapan. Bentuk soalan ini dilihat sama dengan penggunaan kata soal ‘adakah’ ya berkehendakkan jawapan ya atau tidak. Justeru, perkataan setuju atau tidak turut digunakan dan mencetuskan praandaian struktural apabila soalan yang dikemukakan ini memerlukan jawapan setuju atau tidak ajaran sesat disebabkan oleh faktor-faktor luar IPT. Soalan ini tidak perlu dijawab dengan panjang, cukup hanya dengan pilihan jawapan bersetuju atau tidak.

- c. **Adakah** hari wanita kebangsaan ini dapat memperkasakan wanita-wanita di negara malaysia yang tercinta ini?
>> hari wanita kebangsaan telah diadakan

Contoh (c) di atas menggunakan perkataan ‘adakah’ sebagai praandaian struktural. Perkataan adakah merupakan soalan tertutup dan tidak memerlukan jawapan yang terperinci. Soalan ini hanya memerlukan jawapan membenarkan atau menidakkan perkara tersebut. Soalan di atas memerlukan jawapan sama ada hari wanita kebangsaan dapat atau tidak memperkasakan wanita-wanita di Malaysia. Soalan ini juga membuktikan bahawa telah berlangsungnya hari wanita kebangsaan. Penggunaan kata adakah menyebabkan pembaca atau pendengar dapat meramalkan jawapannya yang hanya mempunyai dua pilihan iaitu ya atau tidak.

- d. **Mengapa** RM51 juta diberikan kepada Melaka Tengah?
>> Melaka tengah telah mendapat RM51 juta

Berdasarkan pencetus praandaian struktural ‘mengapa’ di atas, telah membuktikan dan dapat diandaikan bahawa Melaka Tengah telah mendapat RM51 juta daripada kerajaan apabila wujudnya soalan tentang ‘mengapa’. Soalan melalui perkataan ‘mengapa’ ini memerlukan

jawapan yang dimulai dengan ‘kerana’ atau ‘disebabkan oleh’. Perkataan pencetus praandaian struktural ‘mengapa’ dalam (d) telah membuktikan bahawa andaian ‘Melaka Tengah telah mendapat RM51 juta daripada kerajaan’ sesuai digunakan dengan wujudnya soalan yang menggunakan kata soal ‘mengapa’

Praandaian Kaunterfaktual

Praandaian kaunterfaktual menurut Yule (1996) ialah merujuk kepada apa yang diperkatakan itu bukan hanya tidak benar, tetapi bertentangan dengan apa yang benar, atau bertentangan dengan yang fakta. Menurut Levinson (1983) praandaian kaunterfaktual membawa maksud sesuatu yang diandaikan tidak hanya salah, tetapi berlawanan dari kebenaran dengan kenyataan yang diberikan pada ketika itu. Praandaian ini menghasilkan pemahaman yang bersifat kontradiktif. Justeru, kata seperti ‘kalau’, ‘jika’ dan ‘sekiranya’ dilihat mampu memperlihatkan Praandaian Kaunterfaktual. Di bawah merupakan contoh praandaian kaunterfaktual, mengandaikan maklumat dalam ayat tidak benar semasa ucapan.

If you were my friend, you would have helped me.
(>> You are not my friend)

(Yule, 1996)

JADUAL 6. Data Praandaian Kaunterfaktual

Ayat	Sumber
Sekiranya pelabur-pelabur asing melabur secara besar-besaran dalam industri pembuatan negara kita, impak ini tidak akan berlaku.	Pembahas 17 (UTM 7)
Bagaimana pula jika lepasan graduan tersebut telah mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi tetapi pihak majikan itu sendiri yang tidak ingin mengambil mereka bekerja.	Ahli persidangan (UMS 3)
Kalaulah boleh saya tunjukkan kepada anda apakah sebenarnya usaha-usaha yang telah pun dijalankan oleh kerajaan untuk membantu meningkatkan kebolehpasaran kita.	Pembahas ketujuh (UUM 8)

- a. **Sekiranya** pelabur-pelabur asing melabur secara besar-besaran dalam industri pembuatan negara kita, impak ini tidak akan berlaku.
>> tiada pelabur asing yang melabur secara besar-besaran dalam industri pembuatan negara

Praandaian kaunterfaktual dapat dilihat berdasarkan contoh (a) di atas iaitu dengan menggunakan perkataan ‘sekiranya’. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), perkataan sekiranya dapat didefinisikan sebagai kalau atau seandainya. Perkataan sekiranya dalam ayat di atas telah menunjukkan bahawa selama ini tiada pelabur asing yang melabur secara besar-besaran dalam industri pembuatan negara. Tuntasnya dapat disimpulkan bahawa, sekiranya ramai pelabur asing yang melabur secara besar-besaran di Malaysia, pelbagai impak positif akan didapati.

- b. Bagaimana pula **jika** lepasan graduan tersebut telah mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi tetapi pihak majikan itu sendiri yang tidak ingin
>> lepasan graduan tidak mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi

Seterusnya ialah perkataan ‘jika’ yang membawa kepada praandaian kaunterfaktual. Perkataan jika menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) ialah kalau. Berdasarkan data di atas dapat difahami bahawa pihak majikan tidak berkeinginan terhadap lepasan graduan yang tidak mempunyai kemahiran insaniah. Kata jika tersebut telah mencetuskan praandaian lepasan graduan tidak mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi. Oleh itu, perucap cuba menyoal bagaimana jika ada graduan yang mempunyai kemahiran insaniah tetapi masih tidak diingini oleh majikan.

- c. **Kalaulah** boleh saya tunjukkan kepada anda apakah sebenarnya usaha-usaha yang telah pun dijalankan oleh kerajaan untuk membantu meningkatkan kebolehpasaran kita.
>> tidak dapat tunjukkan apa usaha-usaha sebenar yang telah dijalankan oleh kerajaan

Perkataan ‘kalau’ ialah kata penghubung atau kata sendi untuk menyatakan syarat, jika atau jikalau (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Ayat yang menggunakan perkataan kalau membawa maksud sesuatu yang diandaikan tidak hanya salah, tetapi merupakan berlawanan dari kebenaran dengan kenyataan yang diberikan. Berdasarkan ayat di atas, penggunaan perkataan kalau telah mempraandaikan bahawa perucap tidak dapat menunjukkan usaha-usaha sebenar yang telah dijalankan oleh kerajaan kerana kesuntukkan masa. Masa perucap pada ketika itu sudah hampir tamat. Sebab itulah perucap menyatakan ayat ‘kalaulah boleh’. Keadaan pada ketika itu sememangnya tidak membolehkan perucap untuk menyatakan perkara tersebut.

Secara keseluruhannya, penggunaan praandaian merupakan salah satu strategi penggunaan bahasa apabila berucap dalam sebuah majlis formal seperti perbahasan parlimen mahasiswa yang dipilih ini. Pencetus praandaian yang telah dikenal pasti jelas dilihat mampu memberikan kefahaman yang lebih mendalam dengan memahami apa yang disuarakan oleh golongan mahasiswa. Berdasarkan analisis kajian ini, empat jenis praandaian iaitu eksistensial, faktif, struktural dan kaunterfaktual telah digunakan dalam teks perbahasan parlimen mahasiswa sesi pertama di Malaysia. Pemilihan penggunaan jenis praandaian ini pasti dipilih berdasarkan kesesuaian dengan konteks ayat tersebut. Dua jenis praandaian tidak digunakan dalam teks perbahasan ini iaitu praandaian non-faktif dan leksikal. Hal ini kerana, perbahasan parlimen mahasiswa ini bersifat ilmiah. Oleh itu, sudah pasti banyak menggunakan ujaran yang berfakta dan berautoriti. Ayat-ayat yang tidak kukuh atau sekadar tanggapan seperti praandaian non-faktif dan leksikal barangkali tidak sesuai digunakan. Kepentingan mengkaji praandaian dalam perbahasan parlimen mahasiswa ini ialah dapat melihat dan mengetahui dengan jelas bentuk bahasa yang digunakan sebagai pencetus praandaian dalam menyampaikan sesuatu ujaran.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian ini, terdapat empat jenis praandaian yang telah dikenal pasti dalam teks ucapan perbahasan parlimen sesi pertama Malaysia. Jenis-jenis praandaian yang dapat dikenal pasti ialah praandaian eksistensial, faktif, struktural dan kaunterfaktual. Manakala dua jenis praandaian yang tidak digunakan ialah praandaian non-faktif dan leksikal. Kajian ini mendapati bahawa pencetus praandaian yang digunakan dalam ucapan perbahasan parlimen mahasiswa mampu membantu

dalam memahami maklumat yang ingin disampaikan. Strategi penggunaan bahasa ialah perancangan dalam menentukan penggunaan bahasa seseorang sama ada disampaikan secara lisan atau tulisan. Pemilihan strategi berbahasa dilihat sebagai suatu perkara yang penting kerana hal ini akan memberi impak kepada penyampaian seseorang iaitu apa yang disampaikan akan difahami dengan baik oleh pendengar atau pembaca. Setiap ucapan atau penulisan semestinya mempunyai matlamat yang telah ditetapkan. Justeru, strategi penggunaan bahasa sedikit sebanyak dilihat mampu membantu agar matlamat ucapan dan penulisan tersebut tercapai. Pelbagai strategi berbahasa telah dinyatakan melalui kajian penggunaan bahasa oleh sarjana dari luar dan dalam negara yang lepas. Kajian praandaian terhadap ucapan perbahasan parlimen mahasiswa ini dapat menyumbang kepada khazanah bahasa Melayu dan memperluaskan lagi kajian dalam bidang pragmatik. Bahasa merupakan alat yang penting dalam perlakuan sosial untuk menyampaikan kehendak, meminta sesuatu, atau hanya sekadar bertegur sapa dalam kalangan anggota masyarakat. Oleh itu, pemilihan strategi penggunaan bahasa perlu diteliti sebelum digunakan.

RUJUKAN

- Abd Ganing Laengkang, Ab Razak Ab Karim & Riduan Makhtar. 2019. Lakuan Bahasa Kritikan dalam Forum Wacana Sinar Harian. *Jurnal Melayu*, 18(2), 147-163.
- Ahmad Mahmood Musanif & Arbak Othman. 2001. *Teori Lingusitik*. Kuala Lumpur: Penerbit Saujana.
- Andrew Heywood. 2004. *Political Theory*. UK: Palgrave Macmillan.
- Emad Khalilia. 2017. An Analysis of Presupposition Used in Oedipus Rex. *International Academic Journal of Humanities*, 4(2), 58-64.
- Heim, Irene. 1992. Presupposition Projection and the Semantics of Attitude Verbs. *Journal of Semantics*, 9, 183-221.
- Henry Guntur Tarigan. 1984. *Prinsip-Prinsip Dasar Sastra*. Bandung: Angkasa.
- Huang, Y. 2007. *Pragmatics*. New York: Oxford University Press.
- J.S. Kamdhi. 1995. *Diskusi Yang Efektif* Indonesia: Kanisius.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2010. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Karttunen, Lauri. 1973. Presuppositions of Compound Sentences. *Linguistic Inquiry*, 4(2). 169-193.
- Karttunen, Lauri. 1974. Presupposition and Linguistic Context. *Theoretical Linguistics*, 1(1). 181-194.
- Khaled Nordin. 2010. Melahirkan Modal Insan Minda Kelas Pertama. Muat turun 4 September 2019, dari http://jpt.mohe.gov.my/images/InstitusiPengajianTinggi/mpn/MPNbook_29march_6-1.pdf
- Layth Muthana Khaleel. 2010. An Analysis of Presupposition Triggers in English Journalistic Texts. *Journal of College of Education for Women*, 21(2), 523-551.
- Levinson, S. C. 1983. *Pragmatics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mashudi Kader. 1981. *The syntax of Malay Interrogatives*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maslida Yusof. 2018. Struktur Semantik Aktionsart Kata 'Ada'. *Jurnal Melayu*, 17(2), 197-209.
- Mustaffa Kamil Ayub. 1991. *Gerakan Mahasiswa: Visi dan Misi*. Kuala Lumpur: Budaya Ilmu.
- Nasariah Mansor, Faizah Ahmad & Yusniza Yaakub. 2010. Kesantunan Bahasa dalam Kalangan

- Pelajar IPT. Kertas kerja, Seminar on National Resilience (SNAR 2010), Institute of Tun Dr. Mahathir Mohamad's Thoughts, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Julai.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2011. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Normaliza Abd Rahim, Arba'ie Sujud, Hazlina Abdul Halim & Roslina Mamat. 2014. Interaksi kumpulan kecil pelajar Korea dalam pembelajaran bahasa Melayu: satu analisis wacana. *Journal of Business and Social Development* 2(2), 91-99.
- Nurul Ain Abdul Razak. 2015. *Retorik Terhadap Ucapan Sultan Kelantan*. Unpublished Master Thesis, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Rina, O. S., Rotua, E.P. & Febrika, L. T. 2010. An Analysis of Types of Presupposition in Time Magazine Advertisement.
- Suhaizi Suhaimi & Maslida Yusof. 2018. Presupposition Strategies in Data Interpretation: Malay Corpus Data Analysis. *Jurnal KATA*, 2(1), 124-139.
- Tarigan, H. G. 2011. *Pengajaran Analisis Kesalahan Berbahasa*. Bandung: Angkasa Bandung.
- Yule, G. 1996. *Pragmatics*. New York: Oxford University Press.
- Zanariah Ibrahim, Maslida Yusof, Karim Harun. 2017. Analisis Lakuan Bahasa Direktif Guru Pelatih dalam Komunikasi di Bilik Darjah. *Jurnal Melayu*, 16(2), 163-178.

Biodata Penulis:

Nurul Afifah Adila Mohd Salleh merupakan pelajar doktor falsafah dalam bidang bahasa Melayu dari Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Maslida Yusof (PhD), Profesor Madya di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran penulis ialah semantik dan pragmatik bahasa Melayu.